

USIM pacu wawasan integrasi ilmu aqli, naqli

» Tawar program ijazah sarjana dan kedoktoran melalui GSM

Sekolah Siswazah Muamalat (Graduate School of Muamalat - GSM) yang bernaung di bawah Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) menawarkan dua bentuk program iaitu dalam bentuk kerja kursus dan penyelidikan.

1. Program bentuk kerja kursus:
 - Sarjana Muamalat (sedia ada dan telah diperkemaskan pengisian)
 - Sarjana Muamalat (produk Halal) (sedia ada dan yang tunggal dalam negara)
 - Sarjana Perbankan Islam (baharu)
 - Sarjana Kewangan Islam (baharu)
 - Sarjana Perakaunan dan Odit Syariah (baharu)
2. Program bentuk penyelidikan:
 - Sarjana Ekonomi dan Muamalat
 - PhD dan boleh menjalankan:
 - Penyelidikan berbentuk falsafah (state-of-the-art research)



Fakulti Ekonomi dan Muamalat USIM menawarkan dua bentuk program bagi Sekolah Siswazah Muamalat.

- Penyelidikan guna (menyelesaikan masalah sedang dihadapi di korporat)

(Maklumat lebih terperinci boleh didapati melalui webpage Fakulti Ekonomi dan Muamalat - Graduate School of Muamalat di USIM)

Terdapat satu lagi keunikan program di atas. Semua bakal pelajar yang diterima datang dari

pelbagai program bachelor dan untuk menyeragamkan ilmu mereka, dimestikan mengambil empat asas naqli membabitkan Islamic Foundation iaitu Tauhid (Fundamentals of Islamic Concept), Usul Fiqh (Islamic Legal Methodology), Fiqh Muamalat (Principles of Islamic Business Transaction) dan Qawaid Fiqhiyah (Maxims of Islamic Business Transaction).

Manakala asas bagi kursus aqli pula adalah Management Foundations, Pengurusan Organisasi, Prinsip Pengurusan Kewangan dan Ekonomi Islam.

Semua kursus teras perlu diambil sebagai persediaan sekiranya belum pernah diambil semasa menjalani program sarjana muda dan dikecualikan bagi yang telah mengambilnya. Pelajar per-

lu lulus dan keputusan kursus tidak dimasukkan dalam kiraan purata prestasi pelajar.

Ijazah kedoktoran

Terdapat dua bentuk penyelidikan tahap kedoktoran yang dijalankan di GSM. Yang berbentuk falsafah adalah seperti program yang sedia ada dan ditawarkan hampir di semua universiti. Pelajar perlu lulus dua kursus wajib (kaedah penyelidikan dan analisis data) sebelum dikehendaki lulus dalam cadangan penyelidikan dan kemudian membuat penyelidikan, menulis dan ujian oral.

Bagi program kedoktoran kedua iaitu membuat penyelidikan guna (applied research). Di sini, penyelesaian adalah atas masalah yang sedang dihadapi oleh syarikat di mana pelajar berkenaan sedang bekerja.

Ia hampir sama dengan program PhD industri yang dijalankan di beberapa universiti tempatan. Cuma bezanya, program di GSM memerlukan pelajar kedoktoran berkenaan menyelesaikan masalah dalam bentuk kes bagi setiap semester. Program ini memerlukan pelajar menyelesaikan lima kes semuanya, empat daripadanya berbentuk sektoral (seperti pemasaran, pengurusan, kewangan dan operasi; sekiranya dalam pengurusan perniagaan) dan yang kelima berbentuk komprehensif (seperti strategi atau pengantaraan-bangsaaan).

Berpandukan

NILAI-NILAI MURNI,

Anda Pasti

MENGECAPI KECEMERLANGAN,

dan

MEMAKSIMAKAN POTENSI DIRI



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

— Mengintegrasikan Naqli dan Aqli —

GRADUATE SCHOOL OF MUAMALAT
PENGAMBILAN SEPTEMBER 2015
Kini Dibuka (Sepenuh & Separuh Masa)

PROGRAM YANG DITAWARKAN

Kaedah Kerja Kursus :

- Sarjana **PENTADBIRAN MUAMALAT**
- Sarjana **PENTADBIRAN MUAMALAT (Produk Halal)**
- Sarjana **KEWANGAN ISLAM**
- Sarjana **PERBANKAN ISLAM**
- Sarjana **PERAKAUNAN DAN AUDIT SYARIAH**

Kaedah Penyelidikan:

- Sarjana **EKONOMI DAN PENTADBIRAN MUAMALAT**
- Doktor **FALSAFAH**
 - » Penyelidikan Falsafah
 - » Penyelidikan Gunaan

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

GRADUATE SCHOOL OF MUAMALAT,
Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia

No. Tel : +606-798 6390 (Amira) / 6306 (Liza) atau

E-mel : ddgsm@usim.edu.my

Laman Web : <http://fem.usim.edu.my>

Jangan lupa hantarkan permohonan anda ke : <http://ecgs.usim.edu.my>

TARIKH TUTUP PERMOHONAN :
15 OGOS 2015